Dalam laporan diperoleh daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNPK, 2015) didapati wujud beberapa kes yang menunjukkan berlaku ketidakadilan layanan seperti ketidakadilan distributif, kepatuhan prosedur, perilaku interpersonal, dan aspek informasi. Seterusnya ia dapat menghilangkan kepercayaan guru kepada pentadbir di sekolah mereka. Jumlah aduan ketidakadilan layanan yang diterima daripada para guru di negeri tersebut adalah sebanyak 26 daripada 59 kes. Bilangan kes ini meningkat sedikit berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 24 daripada 54 kes. Menurut laporan JPNPK (2015), juga menunjukkan lebih kurang dua pertiga daripada kes ketidakadilan layanan berlaku di peringkat sekolah iaitu 66.1% pada tahun 2013, dan 65% pada tahun 2014. Oleh itu, kajian ini menyelidik komitmen guru di sekolah yang terlibat sama ada persepsi ini mempunyai kebenaran atau sebaliknya. Menurut Rozlina Khalid (2015), para guru mempunyai komitmen rendah menimbulkan masalah besar kepada pentadbiran sekolah dan ketuanya. Seterusnya, mereka tidak ada motivasi dalam menjalankan tugas dimana akhirnya menjejaskan



prestasi kerja dan boleh menyebabkan prestasi sekolah turut merosot malah paling teruk memberi masalah kepada orang lain.

Seterusnya menurut Exco Pendidikan Negeri Perak, Datuk Dr Muhammad Amin Zakaria kes seperti lewat masuk ke kelas, guru masuk kelas tetapi pembelajaran dan pengajaran tidak berlaku, tidak memeriksa buku latihan murid, tidak menulis Buku Rekod Mengajar dan sebagainya masih berlaku.

([https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/11/17/guru-lewat-ke-sekolah?](https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/11/17/guru-lewat-ke-sekolah?itm_source=parse.ly-api)

[itm_source=parse.ly-api](#)) Ini menunjukkan wujud masalah komitmen organisasi dalam kalangan guru di negeri Perak. Oleh itu, kajian ini menyelidik sama ada persepsi ini mempunyai kebenaran atau sebaliknya.

Dalam perancangan strategik JPN Perak telah menggariskan lima teras utama, teras yang ke-3 ialah bekerjasama, ia meletakkan kepentingan organisasi melalui pelibatan dan kebersamaan menjadi keutamaan pada diri setiap warga pendidikan negeri Perak. Semangat kesepunyaan dan hormat menghormati serta bekerja berpasukan menjadi kekuatan untuk mencapai matlamat organisasi.(Perancangan strategik JPN Perak 2020-2024). Kajian yang dijalankan di negeri perak ini kerana ingin mengetahui adakah wujud komitmen organisasi dalam kalangan guru sekolah menengah harian di Perak.

Menurut M. Al-Muz-Zammil Yasin dan Azmin Hussain (2018) kekurangan komunikasi, jurang komunikasi, komunikasi sehalu, gaya komunikasi yang buruk, kaedah komunikasi yang tidak berkesan dan kewujudan halangan komunikasi semuanya menyumbang kepada kekurangan komitmen guru kepada organisasi.



kekurangan keprihatinan pengetua terhadap keperluan guru dan kepuasan kerja menjadi punca keadaan ini. Seterusnya menurut Zuraidah Abdullah (2016), menyatakan bahawa sekolah yang berjaya adalah merujuk kepada kepimpinan sekolah yang dinamik. Kejayaan atau kegagalan sekolah sangat berkait rapat dan dipengaruhi oleh kepimpinan yang menerajui organisasi tersebut.

Apabila peranan pengetua sebagai pemimpin sekolah kurang berkesan apabila membimbing guru dan berkongsi matlamat dengan mereka. Akibatnya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang selalunya tidak membantu sekolah mencapai matlamatnya (Yeo Pei Chyi & Azlin Norhaini Mansor, 2017; Sektor Pengurusan Akademik, 2009). Sekolah-sekolah di negeri Pahang yang tidak melaksanakan, membuat persediaan, atau menyebarkan visi dan misi mereka masih dipantau oleh Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2018 (SKPM, 2018). Disebabkan keadaan ini, pelajar di sekolah bertindak tanpa hala tuju yang jelas (SKPM, 2018).

Hal ini ditegaskan lagi oleh Yeo P.C dan Azlin Norhaini Mansor (2017) dan Daresh (2008) yang menyatakan kebimbangan yang timbul kerana ramai guru besar masih merujuk kepada model pengurusan klasik dalam pengurusan sekolah. Mereka lebih cenderung mengaplikasikan kepimpinan autokratik tanpa mengambil berat kehendak guru dan mengabaikan peranan untuk menjana insan yang berkualiti bagi pembangunan pendidikan.

Dalam membahaskan perkara ini, menurut Aisah Abd Aziz dan Mohd Tarmizi Yusof (2018) dalam sesebuah organisasi, komunikasi boleh membawa keburukan dan kebaikan dan ia bergantung pada kaedah dan matlamat komunikasi tersebut dalam





situasi tertentu. Komunikasi merupakan perkara asas dalam proses memindahkan segala maklumat dan pendapat kepada orang lain. Wujud beberapa masalah yang telah dikenal pasti dalam mengurus sesebuah sekolah atau organisasi antaranya ialah prosedur kerja yang tidak teratur, tiada haluan dan arah tuju, tidak ada panduan dalam membuat keputusan, kurangnya penghargaan diberikan, maklumat yang disampaikan tidak begitu jelas, tiada penilaian yang dibuat dan tiada sumber rujukan yang betul (Aisah Abd Aziz & Mohd Tarmizi Yusof, 2018)

Seterusnya menurut Aisah Abd Aziz dan Mohd Tarmizi Yusof (2018) dan Myer (2001) menegaskan bahawa pengetua menjadi faktor utama kepada ketidakpuasan kerja guru, ia juga kerana masalah komunikasi yang kurang berkesan antara guru dan pengetua menyebabkan berlakunya pengurangan komitmen terhadap tugas. Situasi ini turut disokong oleh Wan Idros Wan Sulaiman dan Maizatul Haizun Mahbob (2014) menyatakan bahawa pihak atasan perlu berkomunikasi dengan cara yang berkesan bagi mengelak kekeliruan dalam memahami maklumat yang disampaikan untuk mendapatkan kepuasan di tempat kerja. Kajian mereka mempunyai kaitan dengan penstrukturan kerja iaitu jika pekerjaan tidak diatur dengan baik hubungan sesama staf menjadi tegang, ia akan terjerumus kepada konflik.

Menurut tinjauan PPPM 2013-2025, antara 15% dan 30% guru menghabiskan sejumlah besar masa mengajar mereka untuk melaksanakan tugas pentadbiran. Sepanjang Dialog Nasional, para pendidik sering menyuarakan kebimbangan mengenai kerja pentadbiran yang menghalang keupayaan mereka untuk menumpukan perhatian kepada tugas pengajaran dan pembelajaran. Terdapat ruang untuk



menambah baik cara guru menghabiskan masa mereka, memandangkan bilangan guru yang ramai dan kadar masa mengajar yang agak rendah (PPPM 2013-2025).

Menurut PPPM 2013-2025 (2011) terhadap 7,853 guru oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati bahawa guru dikehendaki bekerja di mana-mana antara 40 hingga 80 jam seminggu, dengan purata 57 jam seminggu. Ini menunjukkan anjakan yang kurang cemerlang dalam tahap komitmen yang ditunjukkan oleh guru sekolah. Menurut Ilham Ismail (2015) dan Rusmini (2006), tanggungjawab guru yang bertindih dan beban kerja yang berlebihan menyumbang kepada gangguan komitmen yang akhirnya mengakibatkan persaraan awal.

Seterusnya menurut Foong D.C.Y dan Mohd. Khairuddin (2018) dan Junaidah (2012) menyatakan isu seperti ketidakupayaan guru untuk mengajar dengan berkesan, kelemahan dalam sistem nilai dan kepercayaan guru, persekitaran pembelajaran bilik darjah yang kondusif, dan gangguan-gangguan pentadbiran adalah antara kesukaran yang perlu ditangani oleh pengetua.

Ada banyak kajian yang menunjukkan permasalahan dalam kalangan guru di sekolah. Manakala Ithnin dan Abdullah (2018) dan Haasanet et al (2017) menyatakan kurang pemantauan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Menurut Baskaran dan A. Hamid (2020) ketidakupayaan pemimpin untuk memupuk persekitaran kerja yang positif. Selain itu, kajian Ambikapathy et al., 2020; Chong et.al, 2019; Yong dan Ku Samsu2019; Vinathan (2016); Qadach dan Schechter, (2020) mendedahkan bahawa guru kurang mendapat sokongan di peringkat sekolah. Saleemet et al. (2017) juga menyokong penemuan ini, yang menyatakan bahawa

warga sekolah khususnya guru menghadapi pelbagai halangan kerana kekurangan sokongan organisasi. Sebilangan kesihatan mental guru telah merosot akibat kesukaran ini (Jose & Mohd Matore, 2021), dan keberkesanan guru telah menurun (Qadach & Schechter, 2020). Guru menghadapi tekanan kerja yang melampau (Semane et al., 2021; Kamarudin & Taat 2020), guru yang kurang komitmen terhadap kerja mereka (Billy & Taat, 2020), dan guru yang kurang motivasi untuk bekerja (Aminah Jekri & Han, 2020).

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan keseluruhan masalah dan menentukan sama ada kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua mempunyai kesan yang signifikan terhadap komitmen organisasi di sekolah dengan mengenal pasti langkah yang diambil oleh kepimpinan sekolah untuk menangani isu tersebut. Hasilnya, adalah dijangkakan bahawa dapatan kajian akan menyumbang secara signifikan kepada usaha meningkatkan kebolehan dan keupayaan pemimpin sekolah bagi meningkatkan komitmen organisasi di sekolah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pemimpin sekolah meningkatkan kepimpinan instruksional, berkomunikasi dengan lebih berkesan, dan meningkatkan komitmen guru dengan lebih jauh lagi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk memperjelaskan pengaruh kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua terhadap komitmen organisasi sekolah. Secara khusus objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti:

1. Tahap gaya komunikasi pengetua, tahap komitmen organisasi, dan tahap kepemimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak.
2. Perbezaan amalan kepemimpinan instruksional, berdasarkan faktor jantina guru, tempoh perkhidmatan guru dan lokasi tempat berkhidmat guru di sekolah menengah harian negeri Perak.
3. Perbezaan amalan komitmen organisasi dan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian di negeri Perak berdasarkan faktor jantina, guru dan lokasi tempat berkhidmat guru.
4. Hubungan antara gaya komunikasi pengetua, kepemimpinan instruksional dan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak.
5. Dimensi-dimensi dalam komponen kepemimpinan instruksional dan dimensi-dimensi dalam komponen gaya komunikasi pengetua sebagai pengaruh terhadap komitmen organisasi di sekolah menengah harian negeri Perak.
6. Gaya komunikasi pengetua berperanan sebagai pembolehubah mediator antara komitmen organisasi dan kepemimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak.
7. Gaya Komunikasi pengetua bertindak sebagai pembolehubah pengantara antara komitmen afektif, komitmen normatif, dan komitmen berterusan dengan kepemimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak.

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian membolehkan pengkaji meneroka secara spesifik kajian yang akan dijalankan dan mendapatkan data yang boleh diukur untuk kesemua pemboleh ubah yang dikaji. Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, kajian ini akan menjawab soalan berikut:

1. Apakah tahap kepimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak ?
2. Apakah tahap gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian di negeri Perak?
3. Apakah tahap komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?
4. Adakah jantina guru, lokasi tempat berkhidmat dan tempoh perkhidmatan guru memberi perbezaan yang signifikan dalam amalan kepimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak?
5. Adakah jantina guru dan lokasi tempat berkhidmat memberi perbezaan yang signifikan dalam amalan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian di negeri Perak?
6. Adakah jantina guru dan lokasi tempat berkhidmat memberi perbezaan yang signifikan dalam amalan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?
7. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara komitmen organisasi dan kepimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak?

8. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian negeri Perak?
9. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara komitmen organisasi dan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian negeri Perak?
10. Apakah dimensi komponen kepimpinan instruksional mempengaruhi komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?
11. Apakah dimensi komponen gaya komunikasi pengetua mempengaruhi komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?
12. Adakah gaya komunikasi pengetua memainkan peranan sebagai pembolehubah mediator dalam hubungan antara kepimpinan instruksional dan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?
13. Adakah gaya komunikasi pengetua memainkan peranan sebagai pembolehubah mediator dalam hubungan antara kepimpinan instruksional dan dimensi dalam komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, hipotesis yang berikut telah dibentuk dan akan diuji untuk menjawab soalan kajian. Soalan kajian dan Hipotesis alternatif (H_a) semua kajian dinyatakan dalam jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1

Soalan dan Hipotesis Alternatif (Ha) kajian

Bil	Soalan Kajian	Hipotesis alternatif (Ha)
1.	Adakah jantina guru, lokasi tempat berkhidmat dan tempoh perkhidmatan guru memberi perbezaan yang signifikan dalam amalan kepimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha1a: Wujud perbezaan yang ketara (signifikan) bagi amalan kepimpinan instruksional berdasarkan faktor jantina guru di sekolah menengah harian di negeri Perak. Ha1b: Wujud perbezaan yang ketara (signifikan) bagi amalan kepimpinan instruksional berdasarkan faktor lokasi tempat berkhidmat di sekolah menengah harian di negeri Perak. Ha1c: Wujud perbezaan yang ketara (signifikan) bagi amalan kepimpinan instruksional berdasarkan faktor tempoh perkhidmatan guru di sekolah menengah harian di negeri Perak.
2.	Adakah jantina guru dan lokasi tempat berkhidmat memberi perbezaan yang signifikan dalam amalan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha2a: Wujud perbezaan yang ketara (signifikan) bagi amalan gaya komunikasi pengetua berdasarkan faktor jantina guru di sekolah menengah harian di negeri Perak. Ha2b: Wujud perbezaan yang ketara (signifikan) bagi amalan gaya komunikasi pengetua berdasarkan faktor lokasi tempat berkhidmat di sekolah menengah harian di negeri Perak.
3.	Adakah jantina guru dan lokasi tempat berkhidmat memberi perbezaan yang signifikan dalam amalan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha3a: Wujud perbezaan yang ketara (signifikan) bagi amalan komitmen organisasi berdasarkan faktor jantina guru di sekolah menengah harian di negeri Perak. Ha3b: Wujud perbezaan yang ketara (signifikan) bagi amalan komitmen organisasi berdasarkan faktor lokasi tempat berkhidmat di sekolah menengah harian di negeri Perak.

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Bil	Soalan Kajian	Hipotesis alternatif (Ha)
4.	Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara komitmen organisasi dan kepimpinan instruksional di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha4: Wujud hubungan yang ketara (signifikan) antara kepimpinan instruksional dengan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak.
5.	Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian negeri Perak?	Ha5: Wujud hubungan yang ketara (signifikan) antara kepimpinan instruksional dengan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian di negeri Perak.
6.	Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara komitmen organisasi dan gaya komunikasi pengetua di sekolah menengah harian negeri Perak?	Ha6: Wujud hubungan yang ketara (signifikan) antara gaya komunikasi pengetua dengan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak.
7.	Apakah dimensi komponen kepimpinan instruksional mempengaruhi komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha7: Wujud dimensi komponen kepimpinan instruksional mempengaruhi komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak.
8.	Apakah dimensi komponen gaya komunikasi pengetua mempengaruhi komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha8: Wujud dimensi dalam komponen gaya komunikasi pengetua mempengaruhi komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak.
9.	Adakah gaya komunikasi pengetua memainkan peranan sebagai pemboleh ubah mediator dalam hubungan antara kepimpinan instruksional dan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha9: Wujud hubungan yang signifikan bagi gaya komunikasi pengetua yang berfungsi sebagai pemboleh ubah mediator antara kepimpinan instruksional dengan komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak.
10.	Adakah gaya komunikasi pengetua memainkan peranan sebagai pemboleh ubah mediator dalam hubungan antara kepimpinan instruksional dan dimensi dalam komitmen organisasi di sekolah menengah harian di negeri Perak?	Ha10: Wujud hubungan yang signifikan bagi gaya komunikasi pengetua yang berfungsi sebagai pemboleh ubah mediator antara kepimpinan instruksional dan komitmen normatif, berterusan, dan afektif di sekolah menengah harian di negeri Perak.



1.7 Kerangka kajian

Kerangka kajian menerangkan teori-teori yang terlibat dan diguna pakai dalam kajian ini. Selain itu, ianya menjadi panduan bagi menetapkan hala tuju kajian dan bentuk kajian yang akan dilaksanakan. Hubungan pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian turut dijelaskan berdasarkan teori yang dikenal pasti. Kerangka kajian yang akan diperjelas adalah kerangka teoretikal dan kerangka konseptual.

1.7.1 Kerangka Teori Kajian

Teori dalam kerangka dalam kajian ini dipilih berdasarkan aspek keunggulan atau 'prominence' dalam bidang kepimpinan instruksional, gaya komunikasi pengetua, dan komitmen organisasi sekolah. Teori yang dipilih juga adalah berdasarkan kesesuaian dengan konteks pendidikan di Malaysia. Penyelidik telah memilih Model Hallinger (2000) untuk kajian kepimpinan Instruksional, Model Norton (1978) untuk kajian gaya komunikasi dan Model Meyer dan Allen (1991, 1997) untuk kajian berkaitan komitmen organisasi.

Teori Kepimpinan Instruksional Hallinger (Hallinger,2000). Hasil dapatan pengkajian ini pengkaji dapati pengkaji-pengkaji tempatan mentakrif kepimpinan Instruksional sesuai atau bersamaan dengan pendapat Hallinger. Menurut Foong D.C.Y dan Mohd. Khairuddin Abdullah@Jerry (2018) model dan konsep kepimpinan instruksional yang dibangunkan oleh Hallinger dan Murphy pada tahun 1985 telah diubahsuai oleh Hallinger (2000). Dalam model ini, kepimpinan instruksional



ditakrifkan sebagai pemimpin yang meletakkan nilai tinggi dalam mewujudkan objektif sekolah, menyelia program instruksional, dan memupuk persekitaran sekolah yang positif (Hallinger, 2000).

Hasilnya, model kepimpinan instruksional Hallinger (2000) masih merangkumi tiga komponen iaitu mentakrifkan objektif sekolah, menyelia kurikulum dan memupuk persekitaran sekolah yang positif, merangka matlamat sekolah, menjelaskan matlamat sekolah, menyelia dan menilai pengajaran, menyelaraskan kurikulum, memantau kemajuan pelajar, mengekalkan masa mengajar, menggalakkan pembangunan profesional, mengekalkan sokongan pembelajaran, memberi insentif kepada guru dan memberi insentif kepada pelajar adalah sepuluh sub-dimensi yang dikekalkan.

Dalam kajian tentang gaya komunikasi, penyelidik menumpukan kepada Model Norton (1983). Menurut Norton Morissan (2013), Annie Waldherr And Peter M. Muck (2011), Mohamad Hafizin (2009), Zahari (2002) dan Norton (1983), dalam model ini terdapat sepuluh jenis gaya komunikasi iaitu gaya peramah, gaya tenang, gaya prihatin, gaya ekspresif, gaya terbuka, gaya meninggalkan kesan, gaya suka berbincang, gaya ketepatan, gaya dramatis dan gaya dominan.

Model gaya komunikasi yang pengkaji fokus dalam kajian ini ialah Model Norton (1978). Model ini adalah yang pertama memperkenalkan gaya komunikator istilah sebagai “cara seseorang berinteraksi secara lisan atau selari untuk memberi isyarat bagaimana langkah bermakna harus diambil, ditafsirkan, ditapis, atau difahami” (Annie Waldherr & Peter M. Muck, 2011). Norton (1978) dan Norton

(1983) menyatakan sepuluh gaya berkomunikasi dan sub-pembinaan umum yang dipanggil imej komunikator yang menggambarkan sejauh mana seseorang memikirkan dirinya sebagai seorang komunikator yang baik (Annie Waldherr & Peter M. Muck, 2011). Norton mengendalikan konsepnya dengan Measuring Style Communicator (CSM) yang mana ia dilaporkan pelbagai kajian pengesahan dalam buku beliau (Annie Waldherr & Peter M. Muck, 2011).

Seterusnya teori komitmen organisasi, Meyer dan Allen (1991, 1997) telah mencipta pemikiran yang berkaitan dengan tanggungjawab berwibawa dan seterusnya mengiktiraf tiga elemen tanggungjawab dalam persatuan, iaitu tanggungjawab emosi khusus, tanggungjawab berterusan dan tanggungjawab standard. Semasa menjalankan tugas, ketiga-tiga dimensi ini berkait rapat dengan perasaan emosi, idea, falsafah dan nilai individu. (Selvi.K & Srinivasam.P, 2015; Mowday, 1982; Meyer & Allen, 1997). Komitmen afektif, komitmen kesinambungan, dan komitmen normatif adalah tiga dimensi Meyer dan Allen (1991).

1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian

Pengaruh kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua terhadap komitmen organisasi di sekolah digambarkan dalam Rajah 1.2 di bawah, merujuk kepada pernyataan masalah dan huraian teori yang berkaitan. Yang pertama daripada tiga dimensi dalam model kepimpinan instruksional Hallinger (2000) ialah mentakrifkan misi sekolah, yang memerlukan mentakrifkan matlamat sekolah dan melaksanakannya. Kedua, menangani program bermaklumat iaitu mengarah dan




menilai pendidikan, mengatur rancangan pendidikan dan memerhatikan kemajuan pelajar. Ketiga, mewujudkan iklim sekolah yang mengutamakan masa pengajaran, menggalakkan pembangunan profesional, mengekalkan sokongan pembelajaran, memberi ganjaran kepada guru dan pelajar. Menurut Norton (1983) terdapat sepuluh gaya komunikasi dan sub-pembinaan umum yang dipanggil imej komunikator yang menggambarkan sejauh mana seseorang memikirkan dirinya sebagai seorang komunikator yang baik. Dalam Model Komitmen Meyer dan Allen, (1991), komitmen afektif, komitmen berterusan, dan komitmen normatif adalah tiga dimensi komitmen organisasi. Gaya komunikasi pengetua ialah embolehubah pengantara, kepimpinan instruksional adalah pembolehubah bebas, dan komitmen organisasi kepada sekolah adalah pembolehubah bersandar. Ketiganya berhubung antara satu sama lain dan mempunyai pelbagai pengaruh antara satu sama lain. Kajian lazimnya mengambil



kira tiga faktor demografi sebagai faktor tambahan (Ilham Ismail, 2015 ; Allen & Meyer, 1996). Jantina, umur, lokasi perkhidmatan, dan pengalaman perkhidmatan guru di sekolah dahulu adalah faktor-faktornya. Bagi mengambil kira semua pembolehubah yang boleh memberi kesan ke atas ketiga-tiga pembolehubah tersebut, penyelidikan demografi adalah perlu. Ini disebabkan oleh fakta bahawa untuk meneliti dengan tepat elemen penting yang diperlukan oleh pemimpin yang berkesan, pengurusan meningkatkan komitmen organisasi memerlukan penyelidikan kepada faktor umum seperti jantina, umur, lokasi perkhidmatan, dan pengalaman pentadbiran (Ilham Ismail, 2015 & Fullan, 2007). Dalam Rajah 1.2, rangka kerja konsep digambarkan seperti berikut:





Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian Pengaruh Kepimpinan Instruksional dan Gaya Komunikasi Pengetua terhadap Komitmen Organisasi di sekolah

1.8 Definisi Operasi

1.8.1 Kepimpinan Instruksional

Menurut Zapeda (2013), kepimpinan instruksional seorang pengetua adalah merangkumi pertalian kepada tiga jenis tingkah laku penting iaitu pengawasan guru, penilaian guru, dan pembangunan profesionalisme guru. Menurut Zahar dan Suria (2011) kepimpinan instruksional adalah merujuk kepada satu siri reka bentuk tingkah laku untuk mempengaruhi pengajaran dalam kelas. Manakala menurut Jameelaa dan Jainabee (2011) menyatakan kepimpinan pengajaran ialah pengetua yang mempunyai



tanggungjawab yang besar di sekolah dengan mengamalkan ciri kepimpinan dalam menghadapi tekanan dan memikul tanggungjawab yang besar di sekolah.

Manakala Azlin (2015) menyatakan bahawa kepimpinan instruksional adalah berkaitan dengan proses kesinambungan pengajaran antara guru, pelajar dan kurikulum dan melibatkan peranan pengetua dalam menangani perkara yang berkaitan guru seperti pemantauan, penilaian, perkembangan profesionalisme dan latihan dalam perkhidmatan. Manakala, dalam kurikulum kepimpinan instruksional pengetua adalah melibatkan pemilihan bahan dan pelbagai latihan dalam “*Standard of Procedure (SOP)*” serta susun atur yang sesuai dengan pelajar. Dari sudut pelajar pula, kepimpinan instruksional pengetua adalah mengawasi dan memantau perkembangan pembelajaran murid.



Kajian ini menggunakan teori kepimpinan instruksional yang dibangunkan oleh Hallinger dan Murphy (Hallinger, 2011; 2000; Hallinger & Murphy, 1987). yang menyenaraikan dua tingkah laku di bawah menentukan matlamat sekolah dan menjelaskan matlamat sekolah. Selain itu, Foong D.C.Y dan Mohd. Khairuddin Abdullah@Jerry (2018) juga mentakrifkan kepimpinan instruksional sebagai sebarang usaha untuk membantu pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran mencapai matlamat sekolah dan membina sistem sosial yang kukuh di sekolah.



1.8.2 Gaya Komunikasi Pengetua

Gaya komunikasi ialah satu interaksi yang melibatkan pendekatan lisan atau bukan lisan untuk memberi isyarat cara makna perlu diambil, diinterpretasi, ditapis atau difahami (Fauziah Ismail, 2018 ; Norton, 1978). Manakala pengetua pula bermaksud individu yang dipilih dari kalangan guru yang dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mentadbir dan mengetuai sesebuah sekolah menengah dan diberi autonomi untuk menguruskan segala sumber yang ada di sekolah. (Said Andong, 2014)

Annie Waldherr And Peter M. Muck (2011) menyatakan memandangkan peranan gaya komunikasi merupakan satu perkara yang penting untuk menyampaikan maklumat yang berkesan dalam konteks pengetua sebagai pemimpin organisasi sekolah. Kemampuan pengetua untuk berkomunikasi adalah kemahiran sosial yang penting dalam kalangan profesional dan kehidupan peribadi. Hari ini, pelbagai institusi pendidikan menawarkan latihan kepada meningkatkan tingkah laku komunikasi, untuk pengurus, profesional kesihatan, guru atau pasangan suami isteri. Dengan adanya kemahiran dalam berkomunikasi akan mewujudkan komunikasi yang berkesan.

1.8.3 Komitmen Organisasi

Menurut Meyer & Allen (1991), komitmen afektif, komitmen berterusan, dan komitmen normatif adalah semua jenis komitmen organisasi. Seseorang yang

mempunyai komitmen afektif ingin menjadi sebahagian daripada organisasi atas kehendak dan keinginannya sendiri. Komitmen berterusan adalah keperluan individu untuk kekal dalam organisasi. Sebaliknya, komitmen normatif merujuk kepada keperluan (atau kewajipan) individu untuk kekal sebagai ahli organisasi.

Komitmen organisasi menurut Yadava, Christina, dan Justin (2015) ialah "pekerja yang bersemangat" ialah mereka yang terlibat sepenuhnya dalam kerja mereka dan bersedia untuk memberikan perkhidmatan dan budi bicara yang cemerlang kepada kejayaan organisasi. Mereka ditakrifkan sebagai pekerja yang mempunyai komitmen emosi terhadap organisasi dan matlamatnya. Mohamad dan Abiddin (2011) memahami tanggungjawab individu untuk organisasi adalah secara langsung dipengaruhi oleh ketenangan kerja. Ini disebabkan oleh fakta bahawa pekerja memerlukan sokongan fizikal dan emosi. Akibatnya, seorang pemimpin adalah sangat penting dalam organisasi kerana dia membantu mengukuhkan dan memastikan pekerja setia kepada organisasi.

1.9 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan gaya komunikasi pengetua, tahap kepimpinan instruksional, dan perkaitan antara faktor-faktor tersebut dengan komitmen organisasi sekolah. Masih terdapat sedikit kajian nasional mengenai kepimpinan instruksional dan kaitannya dengan gaya komunikasi pengetua dan komitmen organisasi sekolah. Hasilnya, dapatan kajian ini berpotensi memberi nilai tambah kepada bidang kepimpinan sekolah di Malaysia khususnya kesan kepimpinan



instruksional terhadap penambahbaikan organisasi sekolah, serta pengetahuan sedia ada tentang kepimpinan di sekolah. Melalui peningkatan kefahaman terhadap konsep dan amalan ketiga-tiga pembolehubah, dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada percambahan pengetahuan dan penyelidikan dalam bidang kepimpinan instruksional, gaya komunikasi pengetua, dan komitmen organisasi sekolah. Adalah dijangkakan bahawa dapatan kajian akan memberi maklumat mengenai kepimpinan instruksional, gaya komunikasi pengetua dan komitmen organisasi di sekolah menengah harian tempat kajian dijalankan.

Pengkaji percaya bahawa sekolah akan mendapat kefahaman tentang bagaimana kepimpinan instruksional boleh dilaksanakan dengan berkesan di sekolah daripada dapatan kajian. Pihak sekolah, dan khususnya kepimpinan sekolah, boleh mempelajari dan mengenal pasti faktor kejayaan penting yang akan menjamin pelaksanaan kepimpinan instruksional sekolah dan gaya komunikasi pengetua yang berjaya. Pemimpin sekolah, terutamanya pengetua dan guru besar, seharusnya dapat menjalankan tugas dengan baik, mempunyai objektif yang jelas, dan bekerjasama dengan ahli pasukan kepimpinan yang lain dalam cara yang memupuk keharmonian dan kepercayaan. Di sekolah yang mempunyai iklim sekolah yang positif, kepimpinan dan guru boleh bekerjasama untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya pembangunan pelajar yang cemerlang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sehubungan itu, adalah dijangkakan bahawa dapatan kajian akan membantu pengetua dalam memilih dan mengubah suai amalan kepimpinan sedia ada, serta mengubah suai amalan kepimpinan instruksional yang cekap dan gaya komunikasi pengetua selaras dengan keupayaan dan keperluan sekolah, dengan matlamat untuk meningkatkan komitmen organisasi dalam sekolah.





Malah, komitmen organisasi sekolah merupakan salah satu faktor terpenting dalam meningkatkan kejayaan sesebuah sekolah, segala usaha mesti ditujukan ke arah meningkatkan komitmen organisasi, khususnya dalam kalangan warga sekolah. Hasilnya, adalah dijangkakan bahawa pelaksanaan gaya komunikasi pengetua yang cekap akan membantu pengetua dalam meningkatkan tahap komitmen organisasi mereka kepada sekolah mereka, membolehkan guru memberikan yang terbaik untuk penyediaan pendidikan berkualiti tinggi, khususnya dalam bidang PdPc. Komunikasi dengan guru akan menjadi lebih berkesan dan akan dapat meningkatkan komitmen organisasi sekolah sekiranya pengetua mengamalkan gaya komunikasi yang cekap.

Dapatan tidak langsung kajian ini boleh digunakan sebagai model kepimpinan untuk mengukuhkan peranan dan tanggungjawab pengetua di sekolah dengan memberi gambaran tentang kerangka kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua. Model inisiatif pendidikan dan gaya komunikasi pengetua boleh digunakan sebagai alasan untuk mengatur program peningkatan pentadbiran sekolah baharu dan sedia ada. Adalah diharapkan bahawa amalan kepimpinan instruksional yang terkini, relevan dan terpakai boleh digunakan untuk melaksanakan usaha bagi mencapai kecemerlangan sekolah. Untuk mencapai tahap komitmen organisasi sekolah yang lebih tinggi, adalah wajar untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan program latihan guru dan pembangunan profesional berterusan (CPD). Untuk menambah baik amalan mereka, guru mesti sentiasa disokong dan digalakkan, kerana ini akan memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pencapaian pelajar.

Penyelidik berhasrat kajian ini dapat membantu pihak atasan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat



Pendidikan Daerah dalam mengambil maklum dapatan kajian yang menunjukkan sekiranya terdapat masalah dengan kepimpinan instruksional yang berkesan dan sekiranya terdapat masalah dengan gaya komunikasi antara pengetua dan guru, tindakan dan langkah yang berkesan perlu diambil untuk meningkatkan komitmen organisasi sekolah. Sebaliknya jika komitmen organisasi sekolah tidak wujud kerana wujudnya masalah dalam kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua..

Kajian ini dijangkakan akan menjadi asas kepada penyelidikan seterusnya mengenai kepimpinan instruksional, gaya komunikasi pengetua, dan komitmen organisasi di sekolah. Seterusnya, pemimpin sekolah boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk menilai kekuatan dan kelemahan diri yang mungkin tidak mereka sedari sebelum ini. Pentadbir sekolah boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai penanda aras bagi memastikan guru sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi terhadap kerjaya.

1.10 Batasan Kajian

Sempadan atau batasan geografi dan metodologi kajian ini akan memberi kesan kepada dapatan dan tafsiran. Pertama, kajian hanya melibatkan sekolah menengah harian di negeri Perak dalam penyiasatannya terhadap kaitan antara kepimpinan instruksional pengetua, gaya komunikasi, dan komitmen organisasi kepada sekolah. Kajian ini hanya mengkaji sekolah menengah harian dalam negeri Perak, ia tidak termasuk sekolah menengah harian di negeri lain. Akibatnya, dapatan kajian tidak menggambarkan dengan tepat dengan dapatan kajian lain yang meneliti komitmen

organisasi, gaya komunikasi pengetua, dan kepimpinan instruksional di sekolah Malaysia. Dalam cara yang sama, penemuan ini hanya menangani asas pengajaran seperti sekolah menengah harian di negeri Perak dan tidak mewakili institusi lain yang berbeza, sama ada kerajaan atau swasta.

Penggunaan soal selidik sebagai instrumen utama dalam kajian kuantitatif ini adalah batasan kedua. Di samping itu, hanya guru yang dipilih untuk menjawab soal selidik kajian layak menyertai kajian ini. Kaedah pensampelan berstrata, persampelan rawak dan persampelan berkelompok digunakan. Tanggapan atau reaksi pendidik yang menilai kepimpinan instruksional, gaya komunikasi pengetua, dan komitmen organisasi sekolah sangat bergantung pada sejauh mana mereka memahami dan menguraikan perkara dalam tinjauan. Kejujuran, keikhlasan, dan kesediaan responden untuk menjawab semua soalan dalam soal selidik dengan tepat dan jujur juga penting kepada pengumpulan data kajian. Akibatnya, "bias" responden boleh menjejaskan ketepatan kajian, dan kajian ini tidak terkecuali daripadanya.

Reka bentuk kajian keratan rentas juga menjadi batasan kajian ini kerana data kajian hanya dikumpul sekali atau pada satu titik data kerana kekangan masa, tenaga, dan kewangan. Dalam cara yang sama, kajian ini tidak mengambil kira kesan atau keadaan apabila penggunaan pelbagai maklumat berlaku.

Kepimpinan instruksional pengetua, gaya komunikasi pengetua, dan komitmen organisasi sekolah merupakan tiga pembolehubah yang diambil kira dalam kajian ini. Akibatnya, skop kajian adalah terhad. Kajian ini tidak mengambil kira atau membincangkan sebarang faktor atau aspek lain yang boleh mempengaruhi



peningkatan atau kecemerlangan sesebuah sekolah. Hasilnya, dapatan kajian hanya menggambarkan hubungan antara ketiga-tiga pembolehubah tersebut. Selain itu, dapatan kajian ini tidak semestinya membayangkan bahawa komitmen organisasi sekolah tidak terjejas oleh sebarang faktor lain.

Selain itu, dapatan kajian ini mungkin tidak menggambarkan secara tepat kepimpinan instruksional Perak, gaya komunikasi pengetua, atau dedikasi organisasi sekolah. Secara khususnya, hanya 374 orang guru daripada semua sekolah menengah di negeri Perak yang menyertai kajian ini.

1.11 Rumusan



Dalam konteks hubungan antara pengetua dan guru di sekolah, bab ini membincangkan konteks kepentingan serta isu-isu yang berkaitan dengan kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi, seterusnya meningkatkan komitmen organisasi sekolah. Ia terhad kepada pendidik di 205 sekolah menengah harian di negeri Perak.

Untuk meningkatkan komitmen organisasi di sekolah, selain daripada pengamalan kepimpinan intruksional, gaya komunikasi pengetua juga perlu diamalkan oleh pengetua. Tumpuan utama kajian pendidikan telah beralih kepada peranan pengetua dalam memajukan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah (Packard, 2011 & Hallinger, 2011)



Secara umumnya, konteks masalah kajian iaitu kesan kepimpinan instruksional dan gaya komunikasi pengetua terhadap komitmen organisasi di sekolah dibincangkan dalam bab ini. Masalah dalam penyelidikan dibincangkan secara kritis menggunakan data daripada kajian lepas. Bab ini juga memberikan penjelasan tentang objektif dan kepentingan kajian. Kajian ini hanya meliputi sekolah menengah harian di negeri Perak dari segi skopnya.

Namun begitu, istilah "kepimpinan instruksional" merujuk kepada pendekatan yang meluas, merangkumi semua, dan realistik untuk meningkatkan pengajaran bilik darjah. Melalui amalan profesional seperti penyeliaan pengajaran, pemantauan kemajuan pelajar, pemantauan masa dan kualiti, dan menggalakkan pembangunan profesional dalam kalangan guru dan lain-lain. Idea ini memberi tumpuan kepada